

Jum 6 Apr 07 27

Unimas cadang jadikan Kor Suksis subjek pelengkap

KOTA SAMARAHAN 5 April - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) bercadang menjadikan kegiatan beruniform Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (Suksis) sebagai salah satu subjek pelengkap dengan diberikan jam kredit pada setiap semester.

Komandan Kor Suksis Unimas, Datuk Abdul Rashid Abdullah berkata, sehubungan itu, pelajar yang menjadi anggota kor berkenaan perlu menghabiskan sepenuhnya latihan yang ditetapkan.

"Setiap anggota Kor Suksis juga perlu menamatkan latihan sehingga memperoleh pentauliahan dan seterusnya ijazah pertama mereka," katanya pada majlis penyerahan sijil pelantikan pegawai kehormat Kor Suksis Unimas di sini, semalam.

Ia disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Talib Jamal.

Menurut Abdul Rashid, penglibatan pelajar dalam Kor Suksis dapat mendedahkan pelajar di pusat pengajian tinggi kepada konsep disiplin yang menjadi teras dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Beliau berkata, Kor Suksis juga dapat melahirkan pelajar bermodal insan dan pemikiran yang matang yang menjadi aset kepada kejayaan

negara pada masa akan datang.

"Penyertaan pelajar dalam Suksis diharap dapat menerap pengetahuan mengenai undang-undang, penguatkuasaan, peraturan serta budaya polis di kalangan mahasiswa.

"Para pelajar yang menyertai Suksis juga berpeluang untuk merancang kerjaya mereka apabila tamat pengajian kelak," katanya.

Menurutnya, Kor Suksis boleh mencontohi kejayaan Palapes Tentera Darat yang ditubuhkan di Unimas sejak 1997.

Mengenai Kor Suksis di Unimas, beliau berkata, universiti itu merupakan antara 16 institut pengajian tinggi awam di seluruh negara yang mempunyai kor seumpama itu.

Beliau berkata, kor Suksis mula ditubuhkan di Unimas pada 2004 dengan bilangan keahlian yang kecil berikutan saingan daripada pasukan beruniform lain yang sudah lama menampakkan kejayaan.

Katanya, ketika itu hanya 58 siswa dari pelbagai fakulti yang menyertai pengambilan fasa pertama Kor Suksis.

"Sekarang Unimas mempunyai tiga platun Kor Suksis yang terdiri daripada platun campuran lelaki dan wanita.

"Saya yakin masa depan Kor Suksis di Unimas amat cerah dengan lebih ramai dijangka penyertaan kor ini pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Talib berkata, para pelajar yang menyertai kor Suksis bertuah kerana di akhir pengajian nanti mereka bukan sahaja mendapat ijazah tetapi juga pentauliahan sebagai Inspektor Sukarelawan polis.

"Ia merupakan satu pentauliahan yang diiktiraf di bawah Seksyen 36 (2) Akta Polis 1967 yang memberi kelebihan kepada mereka yang berminat untuk menyertai perkhidmatan polis selepas tamat pengajian nanti," katanya.

Menurutnya, PDRM turut menyediakan para pegawai dari pelbagai peringkat untuk membantu latihan anggota Kor Suksis bagi memastikan setiap anggota kor itu mendapat pendedahan sebenar mengenai disiplin dan peraturan dalam khidmat polis.

Beliau berharap, anggota Kor Suksis diberi peluang untuk menjalani latihan penggunaan senjata api bagi memberi pendedahan sebenar cabaran dalam tugas pasukan keselamatan.